

KOSMO! KHAMIS 28 DISEMBER 2017

NEGARA! 15

Projek bernilai RM9.7 juta di Sungai Tiang jana pendapatan baharu

MyAngkasa bangunkan ladang solar

Oleh ZAID MOHD. NOOR

PENDANG – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melalui anak syarikatnya, MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. (MyAngkasa) melabur sebanyak RM9.7 juta untuk membangunkan projek ladang solar di Sungai Tiang di sini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek tersebut dibangunkan di kawasan seluas 1.21 hektar sejak Oktober lalu dan dijadual mula beroperasi pada 31 Disember ini.

Menurutnya, ladang solar tersebut yang merupakan projek perintis mampu menjana kuasa elektrik sebanyak satu megawatt (MW) dalam tempoh satu jam.

Katanya, tenaga elektrik yang dihasilkan itu akan dibekalkan kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB) bagi menampung keperluan lebih 12,000 penduduk di sekitar Sungai Tiang.

"MyAngkasa menjual tenaga elektrik yang dihasilkan itu pada harga 97 sen bagi satu per kilowatt-jam (KWJ) dan pendapatan hasil jualan tenaga elektrik itu pula dianggarkan sebanyak RM1 juta setahun.

"Menerusi perjanjian dengan TNB, kita akan bekalkan tenaga elektrik solar selama 21 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tapak projek ladang solar di Sungai Tiang di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Jawa-

tankuasa Pembangunan Wanita dan Pertanian negeri, Datuk Suraya Yaacob serta Pengarah Eksekutif Kumpulan MyAngkasa, Shaharudin Mohamed.

Abdul Fattah memberitahu, pihaknya juga merancang untuk menjalankan projek pertanian jangka pendek di bawah bumbung panel solar yang dipasang setinggi 2.13 meter hingga 3.66 meter.

Katanya, projek pertanian yang diusahakan nanti boleh membantu meningkatkan pendapatan penduduk tempatan.

"MyAngkasa merancang untuk membangunkan tiga projek ladang solar baharu dengan kerjasama beberapa buah koperasi di Perlis, Kedah dan Perak pada tahun depan," katanya.



ABDUL FATTAH (tiga dari kanan) bersama Suraya (dua dari kanan) semasa melawat projek ladang solar di Sungai Tiang, Pendang semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia